



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Masalah *jailbreaking* pada iPhone

ADAKAH baik untuk buat *jailbreaking* pada sesebuah telefon pintar iPhone? - ABDULLAH, Wangsa Maju.

Sebelum itu, kita perlu tahu apakah itu *jailbreaking*?

Jailbreaking adalah satu proses untuk membuang had-had pengguna yang wujud dalam sistem pengoperasian kepunyaan pihak Apple iaitu iOS dalam mana-mana produknya termasuk iPhone, iPad dan lain-lain dengan menggunakan perisian atau perkakasan.

Dengan ini, ia dapat mencapai sistem dan pengurusan fail iOS di peringkat tertinggi yang dikenali sebagai root access.

Seterusnya, ia berupaya membenarkan memuat turun apa sahaja aplikasi, fail, sambungan dan lain-lain yang tidak ada atau tidak dibenarkan menerusi Apple App Store dan mana-mana sumber.

Mana-mana peralatan Apple yang dibuat *jailbreaking* ini masih boleh menggunakan apa sahaja fungsi yang ada di dalamnya termasuk penggunaan App Store dan iTunes.

Perlakuan set semula peralatan Apple dengan iTunes akan membuang fungsi *jailbreaking* ini.

Adakah ia baik? Kelebihannya seperti yang telah dinyatakan tadi iaitu ia berupaya memuat turun dan menggunakan mana-mana aplikasi yang tiada atau tidak dibenarkan penggunaannya dalam peralatan Apple seperti iPhone, iPad dan lain-lain.

Di samping, itu dengan melakukan *jailbreaking* ini, pengubahsuaian boleh dibuat pada sistem pengoperasian iOS.

Keburukan proses *jailbreaking* ini banyak berpunca daripada penggunaan aplikasi tidak dibenarkan itu sendiri yang akan mengundang beberapa masalah kepada peralatan Apple seperti yang berikut:

1 Ia akan berupaya mengundang kemasukan Malware ke dalam peralatan Apple.

2 Penggunaan pelbagai aplikasi yang tidak dibenarkan tanpa kawalan yang baik berupaya mengundang masalah keselamatan peralatan Apple seperti penggunaan aplikasi capaian secara jarak jauh, aplikasi berasaskan SSH.

3 Memberi kesan yang tidak baik kepada jangka hayat sesuatu bateri peralatan Apple.

4 Boleh mengganggu kestabilan sistem pengoperasian iOS yang terdapat dalam peralatan Apple.

Perbuatan melakukan *jailbreaking* ini bagi sesetengah negara merupakan satu perbuatan yang salah di sisi undang-undang dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Namun begitu, daripada segi moral juga ia berkemungkinan besar bukanlah satu perbuatan yang baik.